Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

MAHKAMAH PERSEKUTUAN • PERPUSTAKAAN • KUALA LUMPUR

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 1994

Kes-kes Jenayah Melibatkan Anggota-anggota Kerajaan

Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia memandang berat diatas kelewatan perbicaraan kes-kes jenayah melibatkan anggota-anggota Kerajaan, dan mengarahkan supaya tindakan berikut dikuatkuasakan:

PERBICARAAN KES:

Apabila seseorang anggota Kerajaan dihadapkan ke Mahkamah diatas tuduhan jenayah, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret hendaklah melaporkan perkara ini kepada Ketua Pejabat di mana anggota itu berkhidmat dengan mengisi borang saperti di Lampiran 'A'.

Perbicaraan hendaklah dijalankan dalam tempuh dua bulan daripada tarikh anggota itu mula dituduh di Mahkamah, jika perlu, dengan menundakan kes-kes lain yang telah ditetapkan. Perbicaraan hendaklah dijalankan dari hari ke hari sehingga tamat. Jika diatas sebab-sebab yang mustahak perbicaraan terpaksa di tangguhkan, sambungan perbicaraan itu hendaklah kepada satu tarikh tidak lewat daripada satu bulan daripada tarikh penundaan dibuat.

Sesuatu perbicaraan hendaklah ditamatkan dalam tempuh tidak lewat daripada tiga bulan daripada tarikh anggota itu dituduh.

..2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

TINDAKAN SELEPAS TAMAT PERBICARAAN:

Apabila tamat perbicaraan dan tempuh memfailkan rayuan telah luput, Penolong Kanan Pendaftar, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret berkenaan hendaklah membuat laporan kepada Ketua Pejabat dimana anggota itu berkhidmat dengan mengisi borang di Lampiran 'B'.

REKOD RAYUAN:

Rayuan ke Mahkamah Tinggi:

(a) Jika rayuan dibuat keatas hukuman sahaja (appeal against sentence), nota keterangan tidak perlu ditaip, tetapi memadai difotostat sahaja. Walau bagaimanapun, alasan penghakiman mestilah ditaip. Rekod rayuan hendaklah disediakan dan dihantarkan ke Mahkamah Tinggi dalam tempuh satu bulan daripada tarikh rayuan difailkan.

(b) Jika rayuan dibuat terhadap keseluruhan keputusan, nota keterangan dan alasan penghakiman hendaklah ditaip dan rekod rayuan hendaklah disiap dan dihantar ke Mahkamah Tinggi dalam tempuh dua bulan daripada tarikh rayuan difailkan.

Rayuan ke Mahkamah Agung:

Rekod rayuan hendaklah disedia dan disampaikan ke Mahkamah Agung dalam tempoh dua bulan daripada tarikh rayuan difailkan.

..3/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

PERBICARAAN RAYUAN:

(a) Apabila rekod rayuan telah difailkan di Mahkamah Tinggi, Penolong Kanan Pendaftar hendaklah menetapkan tarikh supaya perbicaraan rayuan itu dapat dijalankan dalam tempuh dua bulan daripada tarikh penerimaan rekod rayuan, jika perlu dengan mengeluarkan kes lain yang telah ditetapkan. Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah membicarakan rayuan itu dari hari ke hari sehingga tamat.

(b) Timbalan Pendaftar Mahkamah Agung hendaklah dengan segera memberitahu Y.A.A. Ketua Hakim Negara apabila rekod rayuan diterima daripada Mahkamah Tinggi, supaya Y.A.A. Ketua Hakim Negara dapat menetapkan tarikh perbicaraan rayuan itu.

TINDAKAN SELEPAS TAMAT RAYUAN:

Selepas sesuatu perbicaraan rayuan ditamatkan, laporan hendaklah dibuat dalam Lampiran 'B' oleh Timbalan/ Penolong Kanan Pendaftar.

KES-KES TERTANGGUH:

Semua kes-kes dimana tertuduh adalah anggota kerajaan:

(a) yang belum dibicarakan, hendaklah di-bicarakan dalam tempuh dua bulan daripada tarikh Arahan ini;

(b) bagi kes-kes yang sebahagian dibicarakan, hendaklah ditetapkan supaya dapat disambung perbicaraannya dalam tempuh dua bulan dari tarikh Arahan ini, dan jika perlu dengan menundakan kes-kes lain yang telah ditetapkan (seksyen 261 Kanun Acara Jenayah hendaklah digunakan);

..4/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(c) bagi kes-kes yang sedang menunggu perbicaraan rayuan, mahkamah rendah hendaklah menyediakan rekod rayuan dalam tempuh satu bulan dari tarikh Arahan ini; dan

(d) bagi kes-kes yang rekod rayuan sudah berada di Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan hendaklah menetapkan hari perbicaraan rayuan dalam tempuh dua bulan dari tarikh Arahan ini.

LAPORAN BULANAN

Timbalan Pendaftar Mahkamah Agung, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Majistret dan Pendaftar Mahkamah Sesyen hendaklah menghantar laporan bulanan saperti yang terdapat di Lampiran 'C1' atau 'C2' kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur supaya sampai kepadanya sebelum 15hb, bulan berikutnya.

DAFTAR INDUK:

Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hendaklah menyenggarakan satu daftar induk mengandungi segala perkara yang disebutkan dalam laporan bulanan bagi tiap-tiap Negeri.

..5/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

Penangguhan Perbicaraan:

Penangguhan perbicaraan hendaklah dielakkan. Jika seseorang peguam ada kes di Mahkamah lain pada hari perbicaraan yang telah ditetapkan, perbicaraan kes melibatkan anggota Kerajaan hendaklah diutamakan.

Ketidakhadiran seseorang peguam atau saksi tidak boleh dijadikan satu alasan untuk menangguhkan perbicaraan. Jika sijil sakit dikemukakan (misalnya, 2 hari sakit), perbicaraan hendaklah disambung selepas sijil itu luput (iaitu pada hari ketiga).

Kuatkuasa:

Arahan ini berkuatkuasa serta-merta, dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhinya.

(DATO' ABDUL KADIR BIN MUSA) 27/1/94.
Ketua Pendaftar
Mahkamah Agung Malaysia
Kuala Lumpur.

s.k. YAA. Ketua Hakim Negara Malaysia,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur.

" YAA. Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

" YAA. Hakim Besar Borneo,
Mahkamah Tinggi,
Kuching.

..6/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

" YA. Hakim Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

" Y.Bhg. Peguam Negara Malaysia,
Jabatan Peguam Negara,
Bangunan Bank Rakyat,
Kuala Lumpur.

" Chairman Bar Council,
No. 5, Jalan Tun Perak,
Kuala Lumpur.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

LAMPIRAN 'A'

Kepada:

.....

.....

.....

..... (Ketua Pejabat Tertuduh)

LAPORAN MENGENAI PEGAWAI KERAJAAN
YANG DITUDUH MELAKUKAN KES JENAYAH

Pendakwa Raya lwn. .....

Adalah dimaklumkan bahawa .....

..... seorang pegawai di Pejabat

.....telah dituduh

pada .....kerana melakukan kes jenayah.

Butir-butir disampaikan untuk makluman dan tindakan tuan:

1. Tarikh tertuduh ditangkap:
2. Tarikh tertuduh dituduh di Mahkamah:
3. Tuduhan dibawah seksyen.....

   .....
4. Kes ditetapkan untuk bicara pada

   .....

Tarikh:..... .....

Cap: Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi, Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret,
atau Pendaftar Mahkamah
Sesyen yang berkenaan.

..2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

s.k. 1. Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur.

" *2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya,
(Unit Tatatertib)
Blok B, Kompleks J.P.A.,
Jalan Tun Ismail,
50510 Kuala Lumpur.

*3. Setiausaha Kerajaan Negeri .....
(Bahagian Tatatertib)

* Bergantung samada tertuduh pegawai Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

LAMPIRAN 'B'

Kepada:

.....

.....

.....

..... (Ketua Pejabat Tertuduh)

Tuan,

Kes No:..... .....

.....

Pendakwa Raya lwn.....

.....

Kes/Rayuan yang disebut diatas telah tamat dibicarakan pada .....dan keputusannya ialah.....

Walau bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya/ Tertuduh telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi/ Mahkamah Agung pada .....

Tarikh memfailkan rayuan telah luput pada .....dan tidak ada rayuan difailkan.

Tandatangan

Tarikh:..... .....

Cap: Timb. Pendaftar Mahkamah Agung, Pen. Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Magistrate atau Pendaftar Mahkamah Sesyen.

Potong yang mana tidak berkenaan.

..2/-

LAMPIRAN 'C1'

R A Y U A N

LAPURAN BAGI BULAN.....199....
RAYUAN KES-KES JENAYAH MELIBATKAN ANGGOTA KERJAAN
MAHKAMAH AGUNG/MAHKAMAH TINGGI.....

No.	Rayuan Jenayah No.	Kesalahan apa	Tarikh Rayuan	Rayuan difail oleh	Tarikh rekod rayuan di-failkan	Tarikh rayuan di-bicarakan	Keputusan

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

s.k. 1. Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
Kuala Lumpur.

" *2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Bahagian Perkhidmatan dan Kerjaya,
(Unit Tatatertib)
Blok B, Kompleks J.P.A.,
Jalan Tun Ismail,
50510 Kuala Lumpur.

*3. Setiausaha Kerajaan Negeri .....
(Bahagian Tatatertib)

* Bergantung samada tertuduh pegawai Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

LAMPIRAN 'C2

P E R B I C A R A A N

LAPURAN BAGI BULAN.....199....
RAYUAN KES-KES JENAYAH MELIBATKAN ANGGOTA KERJAAN
MAHKAMAH TINGGI/SESYEN/MAJISTRET .....

No.	Kes Jenayah No.	Tarikh Tangkap	Tarikh tuduh di-Mahkamah	Kesalahan apa	Tarikh bicara	Tarikh keputusan	Tarikh rayuan di-failkan	Rayuan oleh siapa	Tarikh rekod rayuan di-sediakan

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents